



UNDANG-UNDANG SARAWAK

Bab 7

ORDINAN AMANAH KHAIRAT, 1994

Tarikh Diluluskan oleh Dewan
Undangan Negeri.

Tarikh Dipersetujui

Tarikh Diterbitkan dalam *Warta*. ...

UNDANG-UNDANG SARAWAK

Bab 7

ORDINAN AMANAH KHAIRAT, 1994

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Amanah khairat
4. Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah
5. Prosedur
6. Senarai harta dan penyata-penyata akaun hendaklah disimpan dan dipamerkan
7. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Lembaga
8. Liabiliti pemegang-pemegang amanah
9. Kuasa Menteri untuk memulakan siasatan
10. Hasil siasatan
11. Kuasa bertindak untuk melindungi harta amanah
12. Pertambahan kepada harta amanah
13. Perubahan tentang maksud-maksud khairat
14. Permohonan ke Mahkamah Tinggi
15. Penggulangan
16. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi hendaklah terpakai bagi apa-apa petisyen di bawah Ordinan ini

Seksyen

17. Siapakah yang boleh mendakwa
18. Peraturan-peraturan
19. Pemansuhan dan perkecualian. *Bab 102*

UNDANG-UNDANG SARAWAK

Bab 7

ORDINAN AMANAH KHAIRAT, 1994

Suatu Ordinan untuk memansuh dan menggantikan Ordinan Amanah Khairat dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berkenaan dengan pewujudan, pentadbiran dan pengurusan amanah khairat dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[Ihb Mac, 1995]

Diperbuat undang-undang oleh Badan Perundangan Sarawak —

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. Ordinan ini bolehlah dinamakan Ordinan Amanah Khairat, 1994, dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2.—(1) Dalam Ordinan ini —

“amanah khairat” ertinya apa-apa amanah atau endowmen berkenaan dengan harta alih atau tak alih yang dipegang, ditadbir atau diuruskan untuk memajukan apa-apa maksud khairat;

“benefisiari” ertinya mana-mana institusi, orang, masyarakat atau golongan orang yang memperolehi atau menerima atau berhak mendapat apa-apa faedah daripada sesuatu amanah khairat;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4 untuk mentadbir dan menguruskan amanah khairat yang diisytiharkan dan ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Mahkamah Tinggi” ertinya Mahkamah Tinggi di Borneo;

“maksud khairat” ertinya apa-apa maksud yang berhubungan dengan dorongan kepada dan pemajuan pendidikan, keagamaan atau kesukanan dan pemberian bantuan untuk meringankan keadaan kemiskinan dan orang-orang tua dan bagi maksud-maksud yang secara eksklusifnya bersifat khairat mengikut undang-undang Malaysia;

“Menteri” ertinya Menteri Kerajaan Sarawak yang pada masa itu bertanggungjawab atas amanah khairat di Sarawak;

“pelaburan dibenarkan” ertinya pelaburan dibenarkan yang dinyatakan dalam seksyen 4 Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*] dan termasuklah apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh Lembaga tertakluk kepada amanah yang diwujudkan di bawah seksyen 3;

“pemegang amanah” ertinya mana-mana ahli Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah yang dilantik di bawah seksyen 4 untuk mentadbirkan dan menguruskan amanah khairat yang diisytiharkan dan ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Pemegang Amanah Raya” ertinya perbadanan seorang yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Pemegang Amanah Raya 1950 [*Akta 247*];

“penyumbang/penderma” ertinya mana-mana penyumbang, penderma, dermawan, pewasiat atau pemberi apa-apa harta yang tertakluk kepada amanah khairat dan termasuklah mana-mana wasi atau pentadbir pusaka orang itu.

(2) Dalam Ordinan ini, rujukan kepada Yang di-Pertua Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Yang di-Pertua Negeri yang bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau seseorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis.

Amanah khairat

3.—(1) Jika Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa sesuatu badan amanah patut diwujudkan berkenaan dengan mana-mana harta, alih atau tak alih, yang hendak disumbangkan, didermakan atau diberikan —

(a) bagi apa-apa maksud keagamaan, pendidikan, kesusasteraan, saintifik atau maksud-maksud khairat lain; dan

(b) bagi faedah mana-mana institutsi, masyarakat atau golongan orang di dalam mana-mana kawasan tertentu di Sarawak,

maka dia hendaklah mengisytiharkan bahawa badan amanah itu hendaklah menjadi satu badan amanah khairat yang akan ditadbirkan dan diuruskan oleh suatu Lembaga yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4, tertakluk kepada apa-apa syarat dan arahan secara am yang difikirkannya patut dimasukkan ke dalam perisytiharan, dan perisytiharan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah —

(a) menetapkan tarikh ia mula berkuatkuasa;

(b) memberi nama badan amanah khairat yang dicadangkan itu;

(c) memasukkan satu pernyataan dan perihalan ringkas mengenai semua harta yang akan dipegang sekarang atau selepas ini oleh Lembaga untuk faedah amanah khairat;

(d) menyatakan nama dan perihalan orang atau golongan orang yang menjadi penyumbang atau penderma (jika ada) bagi harta itu;

(e) menyatakan benefisiari-benefisiari atau bakal-bakal benefisiari bagi harta itu; dan

(f) menyatakan maksud-maksud khairat bagi badan amanah itu.

(3) Mulai dari tarikh yang ditetapkan dalam perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) —

(a) semua harta alih dan tak alih yang dinyatakan dalam perisytiharan itu hendaklah terletak pada Lembaga untuk memajukan dan menyokong maksud-maksud dan niat badan amanah khairat itu;

(b) orang atau orang-orang yang atas nama atau nama-namanya harta itu dipegang hendaklah selepas itu memindahkannya ke atas nama Lembaga, dan semua waad dan syarat yang berhubungan dengan mana-mana harta tak alih itu yang boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap orang atau orang-orang tersebut sebelum perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) bolehlah juga dikuatkuasakan setakat dan dengan cara yang sama oleh atau terhadap Lembaga selepas tarikh yang ditetapkan dalam perisytiharan itu;

(c) satu salinan perisytiharan itu hendaklah disampaikan kepada Pengarah Tanah dan Survei yang hendaklah menyebabkan Daftar yang disimpan di bawah Kanun Tanah [*Bab 81 (Ed. 1958)*] diperbetulkan mengikut kehendak perisytiharan itu; dan

(d) badan amanah khairat yang diisytiharkan dan ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah —

(i) menjadi satu pertubuhan perbadanan dengan nama yang diperihalkan dalam perisytiharan itu;

(ii) kekal turun-temurun dan mempunyai kuasa untuk mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya;

(iii) mempunyai meterai biasa yang mengandungi nama badan amanah khairat itu; dan

(iv) memberi satu alamat (kemudian daripada ini disebut “alamat berdaftar”) di mana segala notis dan dokumen boleh disampaikan kepada badan amanah khairat itu dan, pada amnya, di mana hal-ehwal badan amanah khairat itu hendak dijalankan.

Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah

4.— (1) Sesuatu badan amanah khairat hendaklah ditadbirkan dan diuruskan oleh suatu Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah yang hendaklah terdiri daripada orang-orang yang berikut—

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Pengerusi;

- (c) seorang Setiausaha;
- (d) seorang Bendahari; dan
- (e) tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada tujuh orang pemegang amanah lain,

yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh memerintahkan bahawa badan amanah khairat itu hendaklah ditadbirkan dan diuruskan oleh suatu Lembaga yang sudahpun dilantik di bawah seksyen ini untuk mentadbirkan dan menguruskan mana-mana badan amanah khairat lain jika pemegang-pemegang amanah Lembaga itu bersetuju dan mewakili secukupnya kepentingan benefisiari-benefisiari.

(2) Pemegang-pemegang amanah yang dilantik menurut subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, tetapi tempoh jawatan mereka itu boleh dibaharui atau dilanjutkan oleh Menteri.

(3) Seseorang pemegang amanah boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

(4) Perlantikan mana-mana orang sebagai pemegang amanah boleh dibatalkan oleh Menteri jika —

- (a) dia telah dihukum bankrap;
- (b) dia telah melanggar mana-mana peruntukan Ordinan ini atau peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Jadual atau Akta Pemegang Amanah, 1949 [Akta 208];
- (c) dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau apa-apa kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan dikenakan denda melebihi dua ribu ringgit atau penjara melebihi tempoh satu tahun;
- (d) dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan rasuah;

(e) dia tidak ada di dalam Negeri selama tempoh terus-menerus yang melebihi dua belas (12) bulan; atau

(f) Menteri berpendapat bahawa orang itu telah gagal menunaikan kewajiapn-kewajipannya sebagai pemegang amanah oleh sebab dia gila, sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang kukuh.

(5) Jika berlaku apa-apa kekosongan dalam mana-mana Lembaga disebabkan:—

(a) kematian;

(b) pemecatan, menurut subseksyen (4); atau

(c) perletakan jawatan,

mana-mana daripada pemegang amanah, maka Menteri boleh melantik mana-mana orang lain sebagai pemegang amanah untuk mengisi kekosongan itu.

Prosedur

5.—(1) Prosedur bagi mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan pentadbiran mana-mana amanah khairat hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Yang di-Pertua Negeri boleh melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 18 meminda Jadual.

Senarai harta dan penyata-penyata akaun hendaklah disimpan dan dipamerkan

6.—(1) Tiap-tiap Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri dengan menggunakan Borang yang diluluskan oleh Menteri, pada atau sebelum 31 haribulan Mac setiap tahun atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri secara bertulis—

(a) satu senarai semua harta yang tertakluk kepada badan amanah khairat dengan butir-butir penuh mengenai apa-apa harta

yang diterima, diperolehi, dilupuskan, dipajakan, disandarkan atau digadaijanji sepanjang tahun lalu;

(b) penyata-penyata akaun badan amanah khairat, yang sempurna ditandatangani oleh Pengerusi dan Bendahari Lembaga bagi tahunan kewangan terdahulu daripada tarikh pengemukaan Borang tersebut kepada Menteri; dan

(c) butir-butir mengenai apa-apa perubahan tentang alamat berdaftar badan amanah khairat itu.

(2) Senarai harta dan penyata-penyata akaun itu hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah kelihatan di alamat berdaftar badan amanah khairat itu.

(3) Menteri boleh melalui notis bertulis yang dihantar kepada Lembaga di alamat berdaftar itu menghendaki Lembaga supaya memberi kepadanya apa-apa maklumat, dokumen atau butir-butir lain yang berhubungan dengan badan amanah khairat itu atau hal-hwalnya.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan: Penalti, denda lima ribu ringgit dan penjara dua tahun.

Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Lembaga

7.—(1) Lembaga boleh, tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terkandung dalam perisytiharan yang dibuat di bawah seksyen 3, bagi maksud atau faedah sesuatu badan amanah khairat yang ditadbirkan olehnya —

(a) menerima, memperolehi, menyetuju-terima, membeli, memegang dan mengurus mana-mana harta, alih atau tak alih, tertakluk kepada badan amanah khairat itu;

(b) membaiki, mengubah, mengubah elokkan, menambahbaik, atau membina semula mana-mana premis di atas tanah kepunyaan badan amanah khairat;

(c) melaburkan apa-apa wang dalam apa-apa pelaburan dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

(d) menukar-menukarkan mana-mana pelaburan dibenarkan dengan suatu pelaburan dibenarkan yang lain;

(e) memindahhak, menyerah hak, menyerahkan dan menyerah kembali, menjual, menyandarkan, menggadai janji, menggadai, mendemis, menyerah hak semula, memindah milik atau selainnya melupuskan apa-apa harta alih atau tak alih yang kini atau selepas ini menjadi kepunyaan, atau dipegang untuk faedah, badan amanah khairat yang diuruskan dan ditadbirkan oleh Lembaga atau apa-apa kepentingan di dalamnya;

(f) membayar atau membenarkan mana-mana hutang, tuntutan atau keberhutangan badan amanah khairat berdasarkan apa-apa keterangan tentang hutang, tuntutan atau keberhutangan itu sebagaimana yang Lembaga fikirkan mencukupi;

(g) mengkompromi, mengkompaun, menggugurkan, mengemukakan kepada timbang tara atau selainnya menyelesaikan apa-apa jua pun hutang, akaun, tuntutan, tindakan atau prosiding yang berhubungan dengan badan amanah khairat itu;

(h) membenarkan apa-apa perubahan pada alamat berdaftar badan amanah khairat;

(i) membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi untuk menukar, meminda, mengubah atau mengubahpinda maksudnya amanah khairat itu ditubuhkan, sekiranya Lembaga memutuskan bahawa pertukaran, pindaan, perubahan atau perubah-pindaan itu mendatangkan faedah kepada penyumbang, benefisiari atau badan amanah khairat secara menyeluruh;

(j) melantik atau mengambil khidmat beberapa orang pengkhidmat, ejen, penasihat profesional atau perunding untuk membantu mereka dalam menunaikan kewajipan mereka sebagai pemegang amanah; dan

(k) melakukan atau menjalankan atau mempunyai apa-apa fungsi, aktiviti atau tugas tertentu sebagaimana yang diizinkan atau dibenarkan oleh Yang di-Pertua Negeri melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Semua kuasa dan tugas itu hendaklah dijalankan oleh Lembaga secara kolektif dan apa-apa keputusan tentang penjalanan kuasa-kuasa atau tugas-tugas itu hendaklah dibuat dalam mesyuarat Lembaga yang kerap kali dipanggil bersidang dan dipersetujui oleh sebilangan besar pemegang-pemegang amanah yang hadir dalam mesyuarat itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai membenarkan mana-mana pemegang amanah untuk melakukan sesuatu atau menjalankan atau melaksanakan mana-mana kuasa yang berlawanan dengan maksud badan amanah khairat atau yang merupakan suatu maksud tetapi bukannya maksud khairat.

Liabiliti pemegang-pemegang amanah

8.—(1) Tiada pemegang amanah sesuatu badan amanah khairat boleh bertanggungjawab sendiri atas atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau peninggalan yang dibuat atau dilakukan dengan suci hati dan tanpa kecuaiian melampau ataupun atas apa-apa hutang, liabiliti, tindakan atau peninggalan oleh Lembaga.

(2) Tiada pemegang amanah sesuatu badan amanah khairat boleh bertanggungjawab atas perbuatan pecah amanah ataupun atas apa-apa kerugian atau kerosakan semata-mata oleh sebab dia terus memegang pelaburan yang bukan lagi merupakan pelaburan dibenarkan.

Kuasa Menteri untuk memulakan siasatan

9.—(1) Menteri boleh mengarahkan bahawa siasatan-siasatan dijalankan berkenaan dengan mana-mana amanah khairat, sama ada secara am atau bagi maksud-maksud tertentu.

(2) Apabila Menteri mengarah diadakan siasatan, maka dia hendaklah melantik seseorang untuk menjalankannya dan membuat laporan kepadanya.

(3) Bagi maksud siasatan itu, orang yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen (2) untuk menjalankan siasatan itu boleh melalui Perintah mengarahkan mana-mana pemegang amanah atau orang yang memiliki atau menjaga amanah supaya —

(a) memberi akaun-akaun dan penyata-penyata bertulis mengenai apa-apa perkara yang berkenaan di siasatan itu, yang merupakan suatu perkara yang pemegang amanah atau orang itu ada atau boleh dengan semunasabahnya dapatkan maklumat, atau mengembalikan jawapan-jawapan bertulis kepada apa-apa soalan atau pertanyaan yang ditujukan kepadanya mengenai mana-mana perkara itu, dan supaya menentusahkan akaun-akaun, pernyataan-pernyataan atau jawapan-jawapan itu melalui akuan berkanun; dan

(b) hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dan memberi keterangan atau mengemukakan dokumen-dokumen yang ada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya yang ada kaitan dengan mana-mana perkara yang berkenaan di siasatan itu.

(4) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan subseksyen (3), keterangan di mana-mana siasatan boleh diambil dengan mengangkat sumpah, dan orang yang menjalankan siasatan itu boleh bagi maksud itu mengendalikan sumpah.

(5) Mana-mana pemegang amanah atau orang yang gagal mematuhi mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3) atau yang dengan sengaja mengubah, mencacatkan, memadamkan, menyembunyikan atau memusnahkan mana-mana dokumen yang dia dikehendaki kemukakan di bawah seksyen ini, adalah melakukan suatu kesalahan: Penalti, denda lima ribu ringgit dan penjara dua tahun.

Hasil siasatan

10.— (1) Laporan siasatan yang dijalankan di bawah seksyen 9 hendaklah disampaikan kepada Menteri.

(2) Jika Menteri memutuskan untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pemegang amanah, orang atau mana-mana Lembaga berikutan dengan siasatan yang dijalankan di bawah seksyen 9, maka dia boleh menyiarkan laporan yang dibuat oleh orang yang menjalankan siasatan itu, atau apa-apa pernyataan lain tentang keputusan-keputusan siasatan itu sebagaimana yang difikirkannya patut, mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut atau sesuai oleh Menteri untuk membolehkan pemegang amanah, orang atau Lembaga

yang tindakan itu diambil terhadapnya untuk mengelolakan pembelaan mereka.

Kuasa bertindak untuk melindungi harta amanah

11.— (1) Jika Menteri berpuas hati dengan hasil siasatan yang dimulakan olehnya di bawah seksyen 9 —

(a) bahawa telah berlakunya perbuatan salah laku atau salah pengurusan dalam pentadbiran badan amanah khairat; dan

(b) bahawa perlu atau mustahaklah untuk bertindak bagi maksud melindungi harta badan amanah khairat atau memastikan penggunaan yang wajar bagi maksud-maksud badan amanah khairat akan harta itu atau harta yang sampai kepada badan amanah khairat; maka bagi maksud itu Menteri boleh melakukan segala atau mana-mana daripada perkara yang berikut:

(i) dia boleh melalui Perintah memecat mana-mana pemegang amanah, pegawai, ejen atau pekerja badan amanah khairat yang telah bertanggungjawab atas atau tahu tentang salah laku atau salah pengurusan atau telah dengan tingkah lakunya merupakan antara sebab berlakunya perkara itu atau memudahkan perkara itu dilakukan;

(ii) dia boleh membuat suatu Perintah berkenaan dengan perletakan hak pada atau pemindahan milik kepada Pemegang Amanah Raya akan harta yang dipegang oleh atau sebagai amanah bagi badan amanah khairat itu;

(iii) dia boleh memerintahkan mana-mana bank atau orang-orang lain yang memegang wang atau sekuriti bagi pihak badan amanah khairat atau mana-mana pemegang amanah memintanya jangan menyerahkan wang atau sekuriti itu tanpa kelulusannya;

(iv) dia boleh, walaupun syarat-syarat atau arahan-arahan yang terkandung dalam perisytiharan yang dibuat di bawah seksyen 3, melalui Perintah menyekatkan transaksi-transaksi yang boleh dibuat, atau apakah sebenarnya atau amaun bayaran-bayaran yang boleh dibuat, dalam pentadbiran badan amanah khairat itu tanpa kelulusannya.

(2) Sebutan-sebutan dalam subseksyen (1) mengenai salah laku atau salah pengurusan hendaklah meliputi penggajian dengan

mendapat saraan atau upah bagi orang-orang yang bertindak menguruskan hal-ehwal badan amanah khairat itu, atau bagi maksud-maksud pentadbiran lain, akan jumlah-jumlah wang yang berlebihan berbandingan dengan harta yang digunakan atau terpakai atau yang mungkin hendak digunakan atau terpakai bagi maksud-maksud badan amanah khairat itu.

(3) Sebelum menjalankan apa-apa bidang kuasa di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah memberi notis tentang niatnya untuk berbuat demikian kepada setiap seorang pemegang amanah bagi badan amanah khairat itu kecuali mereka yang tidak dapat dikesan atau mereka yang tidak diketahui alamat sebenarnya di Sarawak; dan notis itu boleh disampaikan melalui pos dan, jika disampaikan sedemikian, bolehlah dialamatkan ke alamat pemegang amanah yang akhir sekali diketahui di Sarawak.

(4) Jika mana-mana orang melanggar sesuatu perintah di bawah subseksyen (1)(b)(iii), maka dia adalah melakukan suatu kesalahan: Penalti, denda lima ribu ringgit atau penjara dua tahun.

Pertambahan kepada harta amanah

12. Setelah berhasil ditubuhkan suatu badan amanah khairat menurut Ordinan ini, apa-apa dermaan, alang dan pelupusan tanah selanjutnya, atau apa-apa kepentingan di dalamnya, yang hingga kini dibuat dengan sahnya (tetapi sebenarnya tidak mempunyai kesan) atau selepas ini dibuat dengan sahnya melalui surat ikatan, wasiat atau selainnya kepada, atau atas nama, badan amanah khairat bagi maksud-maksudnya itu, hendaklah mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat kepada, atau atas nama, badan amanah khairat bagi maksud-maksud yang serupa itu.

Perubahan tentang maksud-maksud khairat

13. Sebarang maksud badan amanah khairat sebagaimana yang ditetapkan dalam perisytiharan yang dibuat oleh Yang di-Pertua Negeri di bawah seksyen 3 tidaklah boleh diubah, diubah-pinda atau dipinda tanpa kelulusan Mahkamah Tinggi.

Permohonan ke Mahkamah Tinggi

14.— (1) Sebarang permohonan berkenaan dengan apa-apa perubahan, perubah-pindaan atau pindaan kepada mana-mana maksud badan amanah khairat itu hendaklah dibuat melalui petisyen pemula kepada Mahkamah Tinggi atas nama Lembaga.

(2) Satu salinan petisyen pemula itu hendaklah disampaikan kepada Peguam Besar Negeri dan juga dipamerkan di alamat berdaftar badan amanah khairat itu.

(3) Notis mengenai penyerahan sesuatu petisyen itu hendaklah disiarkan oleh Lembaga dalam sekurang-kurangnya satu keluaran akhbar tempatan yang beredar di tempat di mana badan amanah khairat itu mempunyai pejabat berdaftar, sekurang-kurangnya sepuluh hari genap sebelum pendengaran petisyen itu. Notis itu hendaklah menyatakan bahawa mana-mana jua penyumbang atau benefisiari badan amanah khairat itu boleh hadir di pendengaran petisyen itu sama ada sendiri atau melalui peguambela untuk membangkitkan apa-apa bantahan terhadap permohonan oleh Lembaga untuk mengubah, mengubah-pinda atau meminda maksud-maksud badan amanah khairat itu.

(4) Apa-apa Perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi untuk mengubah, mengubah-pinda atau meminda maksud-maksud sesuatu badan amanah khairat hendaklah disampaikan kepada Menteri dan disiarkan oleh Lembaga dalam satu (1) keluaran *Warta* dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembuatannya.

(5) Apa-apa Perintah yang tidak disampaikan atau disiarkan mengikut subseksyen (4) hendaklah disifatkan telah luput selepas tamatnya tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembuatannya melainkan jika Lembaga telah dalam tempoh tersebut mendapatkan suatu Perintah daripada Mahkamah Tinggi untuk melanjutkan penyampaian atau penyiaran Perintah itu.

(6) Tiada seorang pun berhak didengar di pendengaran mana-mana petisyen yang diserahkan kepada Mahkamah Tinggi di bawah seksyen ini kecuali Peguam Besar Negeri atau mana-mana orang yang diberikuasa dengan sempurnanya bagi maksud itu secara bertulis di bawah tandatangannya, seseorang pemegang amanah, penyumbang atau benefisiari badan amanah khairat yang bagi pihaknya petisyen itu diserahkan.

Penggulungan

15.—(1) Jika Lembaga fikirkan bahawa —

(a) maksud-maksud yang berkenaan dengannya amanah itu telah diisytiharkan dan ditubuhkan telah dipenuhi atau bukan lagi bersifat khairat;

(b) semua harta yang tertakluk kepada amanah telah diguna atau dibelanjakan bagi maksud-maksud amanah itu, atau telah hilang, musnah atau susut nilainya hingga tidak mungkin terlaksana atau tercapainya maksud-maksud amanah itu; atau

(c) kerana apa-apa jua sebab lain, badan amanah khairat itu patut dibubarkan atau dihentikan,

maka Lembaga hendaklah, selepas mendapat kelulusan Menteri, memohon kepada Mahkamah Tinggi, melalui petisyen pemula untuk menggulungi badan amanah khairat itu.

(2) Satu salinan petisyen itu hendaklah disampaikan, dipamerkan dan disiarkan mengikut cara yang ditetapkan dalam seksyen 14(2) dan (3).

(3) Mahkamah Tinggi jika ia memberikan Perintah untuk menggulungi badan amanah khairat bolehlah juga memerintahkan atau mengarahkan bahawa —

(a) harta atau apa-apa kepentingan di dalamnya yang tertakluk kepada badan amanah khairat diletakkan hak pada Pemegang Amanah Raya;

(b) caranya aset badan amanah khairat itu boleh diperakaunkan;

(c) penunaian tugas-tugas tertentu atau pelaksanaan tindakan atau fungsi tertentu oleh Lembaga sebelum berkuatkuasanya Perintah penggulungan badan amanah khairat itu; dan

(d) apa-apa perintah atau arahan lain yang difikirkan patut atau perlu atau suaimanfaat dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi hendaklah terpakai bagi apa-apa petisyen di bawah Ordinan ini.

16.— (1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi yang berhubungan dengan pemfailan dan pendengaran petisyen pemula dan pengemukakan keterangan yang berhubungan dengannya itu hendaklah dipakai bagi apa-apa petisyen yang diserahkan di bawah Ordinan ini.

(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi yang mengawalselai rayuan-rayuan dari Mahkamah Tinggi hendaklah dipakai bagi apa-apa petisyen yang diserahkan di bawah Ordinan ini.

Siapakah yang boleh mendakwa

17. Prosiding bagi sesuatu kesalahan terhadap Ordinan ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah dijalankan oleh Peguam Besar Negeri atau mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa dengan sempurnanya secara bertulis bagi maksud itu oleh Peguam Besar Negeri; dan apa-apa tulisan yang berupa sebagai ditandatangani oleh Peguam Besar Negeri hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan mengenainya.

Peraturan-peraturan

18. Yang di-Pertua Negeri boleh membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi memberi kesan penuh kepada peruntukan-peruntukan dan maksud-maksud Ordinan ini dan bagi pentadbiran yang wajar akan peraturan-peraturan itu.

Pemansuhan dan perkecualian. *Bab 102*

19.— (1) Ordinan Amanah Khairat [*Bab 102 (Edisi 1958)*] adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Semua Lembaga Badan Amanah Khairat, pemberitahuan dan perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu hendaklah, jika masih wujud atau berkuatkuasa pada tarikh mula berkuatkuasanya Ordinan ini, terus berkuatkuasa, dan hendaklah mempunyai kesan seolah-olah dibuat atau dikeluarkan di bawah Ordinan ini, sehingga atau melainkan jika digulung,

dibubarkan, diubah-pinda atau dipinda di bawah dan menurut kuasa Ordinan ini.

(3) Semua Lembaga Badan Amanah Khairat sedia ada yang dibentuk atau ditubuhkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu hendaklah, apabila berjalan kuatkuasanya Ordinan ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ordinan ini dan kepada peraturan-peraturan yang terkandung dalam Jadual.

JADUAL

PERATURAN-PERATURAN BAGI
LEMBAGA PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH

(Seksyen 5)

Tugas-tugas Lembaga

1.—(1) Semua pemegang amanah yang dilantik di bawah seksyen 4 Ordinan hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan tugas-tugas mereka di bawah Ordinan dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tugas utama seseorang pemegang amanah ialah mentadbir dan menguruskan amanah mengikut syarat-syaratnya demi kepentingan bakal-bakal benefisiari.

(3) Adalah menjadi satu perbuatan pecah amanah bagi pemegang pemegang amanah menyalahgunakan wang khairat yang diberikan untuk digunakan bagi suatu maksud itu digunakannya pula untuk suatu maksud lain yang tidak disangkakan mengikut perisytiharan yang dibuat di bawah seksyen 3.

(4) Pemegang-pemegang amanah mempunyai tugas am di bawah Ordinan untuk menyimpan buku-buku akaun yang patut berkenaan dengan hal-ehwal amanah khairat.

(5) Buku-buku dan penyata-penyata akaun yang berhubungan dengan amanah khairat mestilah dipelihara selama sekurang-kurangnya tujuh tahun, melainkan jika amanah khairat itu tidak lagi wujud dan Menteri membenarkannya dimusnahkan atau selainnya dilupuskan.

(6) Jika pemegang-pemegang amanah sesuatu amanah khairat telah ingkar mematuhi kehendak-kehendak selama tempoh lebih daripada dua belas bulan untuk mengemukakan atau memberi kepada Menteri penyata akaun atau maklumat-maklumat lain yang dikehendaki di bawah seksyen 6 dan 9 Ordinan, maka terpulanglah kepada pemegang-pemegang amanah untuk membuat representasi kepada Menteri, yang, jika dia fikirkan patut untuk mencampur tangan dan setelah memberi notis tentang representasi itu kepada pemegang-pemegang amanah dan mempelawa-ulasan-ulasan mereka, boleh menggunakan bidang kuasanya di bawah seksyen 11 Ordinan.

(7) Pemegang-pemegang amanah adalah berkewajipan untuk menghantar pada setiap tahun atau apabila diminta penyata-penyata akaun dan dokumen-dokumen lain yang mengandungi maklumat ditetapkan kepada Menteri.

(8) (a) Pemegang-pemegang amanah mestilah memastikan yang rekod-rekod perakaunan disimpan dan ia cukup untuk menunjukkan dan menjelaskan kesemua transaksi Lembaga dan yang dapat menzahirkan pada bila-bila masa, dengan ketepatan yang munasabah, kedudukan kewangan amanah khairat pada masa itu.

(b) Maklumat yang dikehendaki diberikan adalah seperti berikut —

(i) penyata-penyata akaun mestilah mengandungi catatan-catatan yang menunjukkan dari hari ke hari kesemua jumlah wang yang diterima dan dibelanjakan oleh Lembaga dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya penerimaan dan perbelanjaan dilakukan, dan rekod aset dan liabiliti amanah khairat itu;

(ii) butir-butir aset dan orang-orang yang pada diri mereka aset itu diletakkan hak, pada tarikh yang akaun itu dibuat, dengan membuat pengecaman antara set-aset yang menjadi sebahagian daripada endowmen kekal dengan aset-aset lain;

(iii) anggaran amaun liabiliti-liabiliti pada tarikh itu;

(iv) amaun terimaan dalam tahun yang berakhir pada tarikh itu, yang dikelaskan mengikut jenis terimaan, dengan membuat pengecaman antara terimaan yang menjadi sebahagian daripada endowmen kekal dengan terimaan-terimaan lain; dan

(v) amaun bayaran-bayaran yang dibuat sepanjang tahun itu, yang dikelaskan dengan cara yang serupa itu juga dan membuat perbezaan yang sebanding dengannya.

(9) Penyata-penyata akaun yang dikirimkan sedemikian kepada Menteri mestilah dibuka untuk diperiksa pada setiap masa yang munasabah oleh mana-mana penyumbang/penderma harta amanah, mana-mana pemegang harta atau benefisiari harta amanah itu.

(10) Kegagalan untuk mengirimkan akaun-akaun atau apa-apa maklumat yang diminta boleh dibaiki melalui suatu Perintah yang dibuat oleh Menteri untuk memulihkan kegagalan itu; keingkaran terhadap Perintah itu menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 6(4) atau 9(5) Ordinan. Selain itu, Menteri mempunyai kuasa meminta supaya syarat dan akaun-akaun amanah khairat itu disiasat dan diaudit.

(11) Kesemuanya pemegang amanah mestilah sedar akan kewajipan statutori mereka sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 4, 5, 6, 7, 13 dan 15 Ordinan.

Mesyuarat

2.—(1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap enam bulan atau bilamasa sahaja suatu mesyuarat Lembaga dipanggil oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(2) Kuorum Lembaga ialah mengikut majoriti pemegang-pemegang amanah Lembaga yang hadir, tetapi bagaimanapun mestilah jangan kurang daripada empat orang.

(3) Di dalam setiap mesyuarat Lembaga, Pengerusi atau, sekiranya dia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, sekiranya dia juga tidak hadir, mana-mana pemegang amanah yang dipilih oleh pemegang-pemegang amanah yang hadir, hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Tertakluk kepada Ordinan dan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini, Lembaga hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.

Jawatankuasa-jawatankuasa

3.—(1) Lembaga boleh melantik beberapa buah Jawatankuasa terdiri daripada pemegang-pemegang amanahnya bersama-sama dengan atau tanpa orang lain sebagaimana yang ditetapkannya.

(2) Mana-mana Jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah menepati arahan-arahan yang mungkin dari semasa ke semasa diberikan kepadanya oleh Lembaga dan Lembaga boleh pada bila-bila masa menamatkan atau mengubah keanggotaan Jawatankuasa itu.

(3) Tertakluk kepada Ordinan dan kepada arahan Lembaga, kuorum dan prosedur sesuatu Jawatankuasa hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa. Lembaga boleh mempelawa orang-orang lain ke mesyuarat.

Kesan ketetapan pemegang- pemegang amanah yang bertanda-tangan

4. Lembaga boleh meminta mana-mana orang, selain dari seorang pemegang amanah, menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbang-telitian Lembaga bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian itu tidak mempunyai hak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbang-telitian tersebut.

Kesan ketetapan-pemegang-pemegang amanah yang bertandatangan

5. Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, menjalankan mana-mana jua urusannya dengan cara mengedarkan kertas-kertas, dan satu ketetapan bertulis yang diluluskan secara bertulis oleh sebilangan besar pemegang-pemegang amanah Lembaga itu hendaklah sama sah dan berkesan seolah-olah ia telah diluluskan dalam suatu mesyuarat Lembaga mengikut undi pemegang-pemegang amanah yang meluluskan ketetapan itu.

Meterai biasa

6.—(1) Meterai biasa yang disebut dalam seksyen 3(3)(d)(iii) Ordinan hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga, dan hendaklah ditentukan oleh sama ada Pengerusi atau mana-mana orang diberi kuasa atau oleh mana-mana pemegang amanah yang diberi kuasa oleh salah seorang antara mereka itu secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat-surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, ditentukan seperti yang disebut tadi, hendaklah sehingga dibuktikan sebaliknya disifatkan telah disempurnakan dengan sahnyanya:

Dengan syarat bahawa mana-mana dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukannya suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeteraikan boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh Lembaga dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pemegang amanah atau pengkhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khususnya oleh Lembaga bagi maksud itu.

(2) Meterai Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran kepentingan

7. Seseorang pemegang amanah yang, secara langsung atau tak langsung, olehnya sendiri atau oleh pekongsinya, mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau pengusahaan yang mana Lembaga bercadang hendak mengikat kontrak dengannya atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga akan hal tentang kepentingannya dan apa sebenarnya kepentingan pemegang amanah itu, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga, dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus mengenainya oleh Pengerusi, pemegang amanah itu tidaklah boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak itu.

Minit

8.—(1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit semua mesyuarat Lembaga disenggarai dan disimpan dalam bentuk yang patut. Salinan-salinan minit itu hendaklah dikemukakan kepada Menteri.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga boleh, jika telah ditandatangani dengan sempurnanya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa memerlukan bukti lanjut dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit mengenai perjalanannya telah dibuat itu hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sempurnanya dan semua pemegang amanah hendaklah sewajarnya layak bertindak dalam mesyuarat itu.

Keesahan perbuatan dan prosiding

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Ordinan atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dipersoalkan atas alasan berlakunya —

- (a) apa-apa kekosongan dalam badan peramanahan, atau apa-apa kecacatan tentang keanggotaan, Lembaga;
- (b) pelanggaran oleh mana-mana pemegang amanah berhubungan dengan penzahiran kepentingan oleh pemegang amanah itu; atau
- (c) apa-apa peninggalan, kecacatan atau perkara luar aturan yang tidak menjejaskan buruk baiknya kes itu.

Tanggungjawab-tanggungjawab Setiausaha

10.—(1) Setiausaha Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 Ordinan hendaklah bertanggungjawab atas penyediaan program-program, skim-skim dan projek-projek untuk pertimbangan Lembaga, atas pengeluaran panduan dasar atau penjelasan keputusan-keputusan Lembaga dan untuk atas penyeliaan dan pengawalan terhadap pelaksanaan keputusan-keputusan itu.

(2) Setiausaha hendaklah memastikan bahawa tiada pemegang amanah yang mana tempoh jawatannya telah tamat boleh mengambil bahagian dalam mana-mana prosiding Lembaga. Menteri hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh tamatnya tempoh jawatan seseorang pemegang amanah. Lembaga boleh membuat perakuan supaya seseorang dilantik untuk mengisi kekosongan itu.

(3) Setiausaha hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Tanggungjawab-tanggungjawab Bendahari

11. Bendahari Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 Ordinan hendaklah, sebagaimana yang dipersetujui oleh Lembaga, bertanggungjawab atas penyimpanan akaun-akaun amanah khairat dan hendaklah menyerahkan atau menghantar untuk dan bagi pihak Lembaga apa-apa penyata akaun atau maklumat pada atau sebelum akhir setiap tahun kepada Menteri mengikut seksyen 6 Ordinan.

CHARITABLE TRUSTS ORDINANCE 1994

2(l) The definition of "contributor/donor", in this form, is nowhere used in Ord. See sec. 2(2)(d) of Ord., where "contributors or donors" is used. However, "contributor/donor" is used in para l(g) of the Sch. but the definitions in sec. 2 of Ord. does not apply to the Schedule.

4(5) (a) To insert "the" before "death" in para (a)

(b) To insert "the" before "resignation" in para (c).

11(l)(b) To move the words "then following things - " in lines 5, 6 & 7 to the next line as these words apply to both paras (a) and (b)..

11(2) (i) To substitute "extent" in line 2 with "extend".

(ii) To delete the first "the" in line 3.

12 To insert commas before and after the words "to or in favour of" in line 6 so as to be consistent with the last line thereof.

SCHEDULE

10(l) To delete "of" between "guidance or" and "elucidation of decisions" OR substitute it with "the".